

## **EKONOMI > BERITA**



# **Dana Patuh Syariah KWSP Tawar Opsyen Pelaburan Lebih Luas - FIMM**

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) – Persekutuan Pengurus-pengurusan Pelaburan Malaysia (FIMM) menyambut baik rancangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk melancarkan dana patuh syariah sepenuhnya pada Januari 2017 dan menyifatkan langkah itu akan memanfaatkan pelabur kerana mempunyai lebih banyak pilihan pelaburan.

FIMM merupakan organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi menyelia dan mengawal selia sektor pengurusan pelaburan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Pegawai Eksekutifnya Nazarudin Othman berkata dana patuh syariah dengan saiz dana permulaan RM120 bilion, akan terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam terkemuka.

Nazaruddin berkata FIMM akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan institusi pengurusan dana (FMI) yang menyediakan skim pelaburan pencarum KWSP bersedia untuk pelaksanaan inisiatif itu.

"FIMM akan terus meningkatkan amalan pengurusan pelaburan anggotanya dengan pelbagai pemudahan, kemas kini dan perkembangan bagi memastikan mereka kekal bersedia sepanjang masa.

"Kami akan teruskan dengan mempermudah perbincangan antara KWSP dan FMI bagi meningkatkan dan memperkukuhkan infrastruktur yang diperlukan bagi tujuan dana patuh syariah KWSP ini," katanya.

FIMM juga akan terus mewujudkan kesedaran dan mendidik orang ramai mengenai perkembangan baharu ini menerusi program pendidikan pelabur dan celik kewangan yang sedang dijalankan.

– BERNAMA